



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1985) 1985
DR.14/1985

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1985) 1985.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ratus enam puluh dua juta sembilan ratus lapan puluh lima ribu lima ratus sepuluh ringgit (\$162,985,510) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1985 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 1985 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1985.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1985.

Akta A604.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 1 ... Parlimen	...	\$ 850,200
B. 7 ... Jabatan Perdana Menteri	...	119,978,200

RANG UNDAANG-UNDANG

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 20 ...	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	\$ 32,561,200
B. 22 ...	Muzium Negara	132,900
B. 33 ...	Kementerian Perusahaan Awam	2,213,100
B. 39 ...	Jabatan Pendaftaran Negara	1,031,000
B. 46 ...	Jabatan Penerangan	250,900
B. 48 ...	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	800,000
B. 50 ...	Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca	1,468,000
B. 59 ...	Jabatan Perkhidmatan Pos	10
B. 62 ...	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	3,700,000
JUMLAH		\$162,985,510

HURAIAH

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1985 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 1985 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan. [PN. (U²) 1341.]